

**KONSEP MUZIUM BARU: ANALISIS
KRITIKAL PEMIKIRAN KOLONIAL
TERHADAP BANGSA MELAYU**
(*NEW MUSEUM CONCEPT: ANALYSIS OF THE CRITICAL
THINK OF THE COLONIAL ON THE MALAY*)

Ahmad Farid Abd Jalal¹
Perbadanan Muzium Negeri Pahang
26600 Pekan
Pahang

Awang Azman Awang Pawi²
Akademi Pengajian Melayu
Universti Malaya
50603 Kuala Lumpur

Rahimin Affandi Abdul Rahim³
Akademi Pengajian Islam
Universti Malaya
50603 Kuala Lumpur

Email: farid.muzium@gmail.com
awangazman@gmail.com
faqir_ila_rabbih@um.edu.my

(Dihantar: 15 Julai 2020; Diterima: 3 September 2020)

Abstrak

Pembinaan konsep muzium baru di Malaysia memerlukan kepada pemahaman yang jelas dalam memahami teori sarjana kolonial yang merendahkan bangsa Melayu dan agama Islam. Namun, dapat dilihat institusi muzium di negara kita masih terperangkap dalam doktrin yang ditinggalkan oleh penjajah dari pelbagai aspek. Oleh hal tersebut, objektif kajian ini adalah untuk membahaskan teori-teori yang dikemukakan oleh kolonial terhadap dunia Melayu dalam usaha menyediakan sebuah rangka yang kukuh terhadap pembinaan konsep muzium baru, yang bebas daripada pengaruh kolonial. Bentuk metodologi kajian ini adalah bersifat kualitatif, iaitu dengan kaedah

menganalisis kandungan yang diperolehi daripada sumber primer dan secara deskriptif, seterusnya sumber-sumber tersebut dianalisis menggunakan kerangka konseptual yang telah dibangunkan. Hasil kajian ini mendapati teori-teori yang dikemukakan oleh kolonial terhadap dunia Melayu jelas memberikan impak negatif terhadap semangat bangsa Melayu pada hari ini dan bersifat berat sebelah dalam mempertimbangkan perihal bangsa Melayu dalam pelbagai aspek. Maka institusi muzium memainkan peranan penting sebagai medium pendidikan kepada segenap lapisan masyarakat perlu mengalami satu transformasi yang bebas daripada pengaruh kolonial. Sumbangan kolonial terhadap pembangunan negara kita pada hari ini termasuk mewarisi institusi muzium adalah besar namun dalam usaha membina semangat bangsa Melayu, maka sudah tiba masanya kita kita membangunkan semula institusi muzium dengan falsafah dan pemikiran yang bertunjangkan Al-Quran dan Sunah.

Kata kunci: Konsep Muzium Baru, Kolonialisme, Muzium Malaysia, Al-Quran dan Sunah

Abstract

Construction of a new museum concept in Malaysia requires a clear understanding of the colonial scholarly theory that degrades the Malays and Islam. However, it can be seen that the museum institutions in our country are still trapped in the doctrine left by the colonialists from various aspects. Hence, the objective of this study is to debate the theories put forward by the French colonial empire in an effort to provide a solid framework for the construction of the new museum, which is detached from colonial influence. The methodology of this study is qualitative in nature, that is, with the method of analyzing the content obtained from primary sources and descriptively, then the sources are analyzed using the conceptual framework that has been developed. The results showed that the theories put forward by the colonials to the Malay world clearly has a negative impact on the spirit of the Malays today and biased in considering the subject of Malays in various aspects. Therefore, museum institutions play an important role as an educational medium to all walks of life and needs to undergo a transformation that is free from colonial influence. The colonial's contributions to the development of our country today including the museum institutions that were inherited are undoubtedly large however in an order to build the spirits of the Malays, it is time that we rebuild our museum institutions with philosophies that are rooted in the Al-Quran and Sunnah.

Keywords: New Museum Concept, Colonialism, Malaysia Museum, Al-Quran and Sunah

1.0 Pengenalan

Muzium merupakan institusi terpenting yang memainkan peranan mengumpul, menjaga, merawat serta mempamerkan warisan ketara (*tangible*) dan tak ketara (*intangible*) sejarah sesuatu bangsa. Idea awal penubuhan muzium adalah berdasarkan mengumpul dan memelihara artifak-artifak warisan seni budaya seterusnya menyelidik dan mempamerkan artifak berkenaan untuk tatapan ramai dengan harapan ia dapat mendidik anggota masyarakat mengenai seni budaya dan warisan (Ab Samad Kechot, 2012). Matlamat akhir tersebut merujuk kepada pendidikan iaitu mendidik orang ramai berkaitan warisan. Atas sebab itu, Germain Bazin (1967), Kurator di Lourve, Paris mengumpamakan muzium sebagai “*a university of the common man*” iaitu muzium sebagai sebuah universiti bagi manusia umum. Mark Lilo (1995) pula menyatakan peranan muzium moden adalah sebagai institusi penyampai maklumat. Baginya seseorang yang berada di muzium akan memperoleh pengalaman dan pengetahuan baru yang sangat berharga.

Dalam bidang permuziuman di negara kita, kerajaan telah menerima pakai sepenuhnya falsafah dan mekanisme permuziuman warisan penjajah British. Apa yang jelas, model sistem British yang menekankan historiografi masyarakat tanah jajahan dijadikan asas untuk ditiru selepas Malaysia merdeka. Ia merangkumi soal menyimpan artifak berharga, menyusun dan klasifikasi bersesuaian dengan tahun khusus dan mentafsirkan artifak bersejarah (Paulette, 1999). Padahal mengikut Othman Yatim, institusi muzium sebagai tempat penyimpanan artifak bersejarah sememangnya telah wujud dalam masyarakat Melayu sebelum daripada kedatangan British lagi, dan ianya telah disimpan di istana raja-raja Melayu. Namun begitu, institusi

ini gagal berfungsi dengan baik. Banyak daripada artifak bersejarah ini telah musnah dan hilang, kerana kecuaiannya dari aspek pemeliharaannya (Othman Yatim, 2005)

Konsep “Muzium Baru” telah diperkenalkan apabila sarjana muzium barat melakukan proses analisa, ulangkaji dan penambahbaikan terhadap konsep muzium klasik. Semuanya berpunca daripada perubahan paradigma pemikiran falsafah barat daripada era kolonial kepada era pasca kolonial. Sarjana muzium barat sepakat bahawa andainya institusi muzium ingin terus hidup ia perlu mengambil kira paradigma ini, kerana masyarakat dunia bukan lagi didominasi oleh kuasa barat tetapi telah berubah kepada pasca kolonialisme. Hasilnya, sarjana pendokong konsep muzium baru telah menilai secara kritis apa yang telah dilakukan oleh dunia barat berupa; *pertama*, impak negatif penjajahan dunia barat keatas masyarakat lain. Kedua, kezaliman masyarakat barat perlu didedahkan untuk pengetahuan masyarakat dunia (Hilde, 2000).

Tambahan lagi, kesedaran muzium baru ini turut terpengaruh dengan teori *counter colonialism*. Pengasas terawal yang membawa idea teori *counter colonialism* adalah Edward Said di dalam penulisan bukunya yang bertajuk *Orientalism*, Edward Said (1983) menegaskan apa-apa yang dipersembahkan dalam bidang permuziuman tidak boleh diterima secara kosong semata-mata. Menurut pandangannya lagi, ia dibuat daripada sudut perspektif mereka yang berat sebelah dan *bias* tanpa mengambil kira pandangan masyarakat tanah jajahan. Ia menjadi bahan untuk perniagaan atau alat untuk merendahkan masyarakat peribumi.

2.0 Kolonialisme: Pemikiran Kolonial dan Kesan Terhadap Bangsa Melayu

Kolonialisme secara definisinya merupakan penjajahan dan penguasaan pihak luar ke atas pihak tempatan untuk mendapatkan keuntungan maksima melalui kaedah secara kekerasan atau secara halus dan tipu muslihat (Hawksley, 2001). Terdapat dua kaedah utama yang digunakan oleh pihak British untuk menguasai penduduk di Tanah Melayu, iaitu kaedah dominasi dan kaedah hegemoni. Dominasi adalah penguasaan masyarakat oleh kerajaan atau kelompok tertentu melalui kaedah kekerasan agar patuh kepada sistem, strata dan dasar yang ditetapkan. Manakala hegemoni adalah usaha penguasaan kerajaan atau kuasa kepada rakyat atau massa secara tidak langsung, namun menggunakan pelbagai jalan dan medium yang diakui sah dengan cara menciptakan suasana yang membuatkan rakyat atau massa merelakan diri mereka untuk dikuasai (Hutagalung, 2004). Misalnya, dilakukan melalui; undang-undang atau akta khusus, justifikasi ahli agama tertentu, sistem pendidikan dan politik yang sah melalui pemilihan rakyat teramai (demokrasi) dan terpenting sekali penggunaan media massa (Simon, 1999).

Sehingga hari ini, dapat dilihat kesan terbesar kolonialisme terhadap bangsa Melayu adalah dari aspek penjajahan minda atau pemikiran bangsa Melayu sendiri yang berpandangan negatif terhadap kemampuan bangsa sendiri berbanding bangsa luar terutama bangsa eropah. Nekatif ini pada dasarnya dipengaruhi dua teori besar yang telah dikemukakan oleh sarjana barat terhadap bangsa Melayu, iaitu (i) Teori bangsa Melayu tidak bertamadun dan (ii) Teori Oriental Despotisme dan Kegagalan Islam di Alam Melayu

2.1 Teori Bangsa Melayu Tidak Bertamadun

Teori bangsa melayu tidak bertamadun ini dikeluarkan oleh sarjana barat yang mendakwa orang Melayu adalah bangsa primitif dan tidak mempunyai identiti diri. Di dalam persembahan *British Museum*, Bangsa Melayu digambarkan sebagai bangsa yang *simple*, primitif dan *irrational*, tetapi bersifat eksotik dan memukau. Watak orang Melayu disifatkan malas, fatalis, berpuas hati dengan apa-apa yang dimiliki. Hal ini dikatakan berlaku berlaku disebabkan oleh faktor genetik bangsa melayu yang rendah. Sifat utama kajian-kajian ini mendedahkan dan menyebarkan propaganda kononnya masyarakat Melayu adalah bersifat negatif seperti malas (Wright dan Reid, 1912), suka berfoya-foya (Eredia, 1930), keras kepala (Raffles, 1930), tidak boleh diharap (Richmond, 1928), suka berhutang (Swettenham, 1895) dan sebagainya.

Tambahan lagi, berdasarkan kepada kerangka persembahan muzium kolonial, terdapat dua falsafah utama yang menjadi kerangka persembahan mereka untuk merendahkan bangsa luar (selain mereka) termasuk bangsa melayu. Pertama, falsafah *evolutionism* yang menganggap tamadun barat sebagai lebih tinggi darjatnya berbanding dengan tamadun timur (Edward Said, 1981). Pencapaian tamadun barat ini disebabkan penerimaan fahaman sekularisme dan menolak kepentingan agama di dalam kehidupan manusia (Barnett, 2003). Sebaliknya, masyarakat bukan barat yang masih berpegang utuh kepada agama dianggap sebagai mundur, bodoh, bebal dan tidak bertamadun. Ia harus ditamadunkan oleh masyarakat Eropah melalui proses penjajahan (Swettenham, 1893). Bahkan tugas menjajah demi untuk mengajar masyarakat timur ini dianggap sebagai tanggungjawab sosial yang perlu dimainkan oleh masyarakat Eropah (*white man's burden*) (Gungwu, 1981).

Kedua, falsafah *diffusionisme*. Dalam konteks ini falsafah ini terhadap bangsa melayu, mereka menganggap kemajuan masyarakat Melayu bukan kerana sifat asal diri mereka yang baik dan proaktif terhadap sesuatu kemajuan, tetapi disebabkan faktor pengaruh budaya asing (difusi budaya) yang secara langsung telah ditiru oleh masyarakat Melayu (Zainal Kling, 1994). Sikap ini secara terang-terangan telah menafikan kepandaian masyarakat tempatan (*local genius*) di dalam membina sesuatu tamadun tempatan (Bryan dan Turner, 1964). Antara budaya asing yang kononnya telah mencirikan kebudayaan Melayu adalah Hindu-Buddha, Arab, India, Parsi dan yang terpenting sekali adalah pihak British sendiri (Lopez, 2001).

Bahkan apabila mengkaji pengaruh Islam terhadap jati diri orang Melayu, pihak orientalis ini cuba menggambarkannya secara skeptikal dengan menyatakan bahawa masyarakat Melayu sebenarnya tidak mempunyai pegangan keislaman yang cukup kuat, hanya tampak zahir di lapisan luaran semata-mata, sedangkan pengisian di dalamnya masih lagi berteraskan budaya pra islam (Animisme dan Hindu) (Leur, 1955). Secara keseluruhannya, ia dapat mengesan mengenai kajian mereka terhadap kebudayaan Melayu kebanyakannya berteraskan sifat anti Islam yang terbawa-bawa dari semangat Perang Salib dan kebencian mereka terhadap pengalaman penentangan yang telah dicetuskan oleh masyarakat Islam di tanah jajahan yang berada di bawah penguasaan kuasa barat (Ahmad Shalaby, 1966; Zakaria Stapa, 1994).

2.2 Teori *Oriental Despotisme* dan Kegagalan Islam di Alam Melayu

Menurut teori *oriental despotic* sarjana kolonial, wujud keadaan huru-hara, tiada peraturan dan penindasan masyarakat yang dilakukan oleh raja-raja Melayu (Turner,

1984). Raffles, pengasas kajian Melayu yang awal menegaskan bahawa penindasan ini dilakukan oleh raja dalam kerajaan Islam di dunia (Raffles, 1841). Atas dasar tersebut, pihak kolonial menjustifikasikan hal ini sebagai tanggungjawab mereka untuk mentamadunkan masyarakat Melayu daripada kebodohan sendiri dan kezaliman yang dilakukan oleh raja-raja Melayu Islam (Dannet, 1995). Tambahan lagi, sarjana barat turut memberikan beberapa pandangan negatif tentang islam, dan mengaitkan kemunduran orang melayu kerana pengaruh agama Islam, antaranya:

1. Islam menghapuskan semua ilmu sains dan sastera Melayu yang pernah wujud sebelum proses Islamisasi. Sebaliknya karya melayu selepas islam menjadikan masyarakat Melayu kekeringan idea tentang konsep seni sejati (*historical and dry compositions of the head*). Lebih teruk lagi, Islam telah menghapuskan pencapaian sastera dan seni artifak yang terbina di zaman hindu (Raffles 1815).
2. Islam dijadikan lawan kepada tamadun Kristian dan Hindu Buddha. Segala bentuk kejahatan dikaitkan dengan islam, manakala semua bentuk kebaikan dikaitkan dengan barat dan Hindu Buddha. Berbeza dengan Islam, dalam Hinduisme telah lahir masyarakat berkasta damai yang diperlukan oleh British (Raffle, 1815)

3.0 Analisis Kritikal Pemikiran Kolonial Terhadap Bangsa Melayu

Kedua-dua teori yang dikemukakan oleh sarjana kolonial diatas mampu diperbahaskan dan ditolak berdasarkan kepada analisis sejarah bangsa melayu sebelum kedatangan pihak penjajah ke tanah melayu lagi. Keseluruhan aspek penting

bukti tahap ketamadunan bangsa melayu perlu dinilai secara kritis seperti peranan institusi istana sebagai kayu ukur ketamadunan bangsa melayu awal, kemajuan tanah melayu sebagai pusat kesusasteraan antarabangsa yang awal dan pengaruh kedatangan islam dalam mengukuhkan pentadbiran, perundangan dan sistem beraja di tanah melayu.

3.1 Institusi Istana Sebagai Kayu Ukur Ketamadunan Bangsa Melayu Awal

Institusi istana yang telah lama wujud sebagai pusat tamadun di Alam Melayu. Istana merupakan pusat kesenian, kesusasteraan dan kebudayaan bangsa Melayu. Istana adalah tempat di mana segala bentuk hikayat, epik, puisi dan kesusasteraan klasik dikarang, ditulis oleh para ilmuwan dan jurutulis yang mendokumentasi dan meriwayatkan tentang perihal kehidupan, adat-istiadat, hiburan, susur galur keturunan (*genealogy*), hal-ehwal politik istana, adat resam dan kebudayaan, ilmu perubatan dan lain-lain. Hikayat-hikayat dan catatan lama ini dicatat dalam tulisan Jawi dan disalin semula beberapa kali oleh jurutulis istana dan menjadi rujukan penting pada ketika itu. Sebuah hikayat boleh dianggap sebagai sebuah etnografi klasik Melayu, ditulis dalam tulisan Jawi dan meriwayatkan segala perincian kehidupan sosial di dalam sesebuah istana selain menyentuh perihal rakyat kebanyakan.

3.1.1 Istana Sebagai Muzium dan Gedung Ilmu Pengatahuan

Peranan utama istana sebagai cerminan ketamadunan bangsa melayu adalah pertama, berfungsi sebagai sebuah ‘muzium’ dengan menjadi sebuah gedung bagi segala sumber ilmu pengetahuan dan tempat simpanan artifak warisan Melayu berharga yang menjadi perlambangan ketinggian tamadun Alam Melayu ketika itu. Daripada penulisan hikayat dan hukum kanun oleh jurutulis sultan sehinggalah

kepada segala alat kebesaran diraja, selain instrumen-instrumen muzik berstatus seperti gamelan, nobat dan nafiri; dari koleksi senjata Melayu tradisi yang terdiri dari pelbagai koleksi keris hinggalah ke tekstil persalinan golongan bangsawan seperti tenun dan songket yang berkualiti tinggi pembuatannya.

Pihak istana kerajaan Kesultanan Melayu Melaka pada kurun ke-14 dahulu contohnya, telah berperanan sebagai sebuah ‘muzium’ dengan menghasilkan sebuah hikayat lama yang akhirnya telah membantu generasi yang wujud 500 tahun kemudian dalam mengetahui dan mendapat gambaran mengenai rupa bentuk dan perincian istana agung ini. Inskripsi ini juga telah dijadikan asas rujukan sehingga membolehkan kita mendirikan sebuah replika Istana Sultan Mansur Shah yang dijadikan sebagai Muzium Kesultanan Melayu Melaka yang siap dibina pada tahun 1986 di Bandar Hilir, Melaka. Tinggalan-tinggalan istana silam inilah yang kita guna sebagai rujukan dalam kita memahami sejarah bangsa Melayu dan Malaysia pada hari ini.

3.1.2 Keagungan Seni Bina Istana Sebagai Bukti Tahap Intelektual Bangsa Melayu Awal

Kedua, Keagungan seni bina bangunan istana kayu tempat bersemayam sultan memerintah ketika itu juga menjadi sebuah monumen kegemilangan bukti ketinggian estetika dan kehalusan seni kraf ukiran kayu serta mencerminkan kebijaksanaan pertukangan kayu Alam Melayu ketika itu. Berikut merupakan suatu contoh catatan inskripsi yang menggambarkan kehebatan dan keagungan seni bina istana Sultan Mansur Shah Melaka (1460) yang terkandung di dalam hikayat agung Sejarah Melayu (Sulalatus Salatin) karya Tun Seri Lanang:

"Besar istana itu tujuh belas ruang, ruangnya tiga-tiga depa, besar tiangnya sepemeluk, tujuh pangkat, kemuncaknya pun tujuh. Pada antara itu diberinya berko, maka pada segala ko itu diberi gajah menyususu (dan pada gajah menyususu) itu diberinya bubungan melintang; sekalannya bersayap layang-layang dan sayap layang-layangnya itu semuanya berukir."

*"maka orang Ungar(an) dan Orang berbuat istana,
sertanya orang Bentan Karangan beramu akan dia,
orang Pancur Serapung berbuat balairung,
orang Buru balai mendapa,
orang Syoyar berbuat dia balai itu, balai apit pintu yang di kiri itu,
orang Sayung berbuat dia kandang,
orang Apung berbuat dia danu gajah,
orang Merbau berbuat dia penanggahan,
orang Sawang berbuat dia danu permandian,
orang Tungkal berbuat dia danu mesjid,
orang Tentai berbuat dia pintu pagar istana." (halaman:84)*

Petikan di atas merupakan contoh inskripsi terawal yang mendokumentasi mengenai aspek seni bina tradisional Melayu dahulukala dengan memberikan perincian mengenai sebuah istana sultan yang gemilang di zamannya. Istana tersebut telah musnah teruk akibat kebakaran dan telah digantikan dengan sebuah istana yang baharu. Di sini dapat dilihat betapa pentingnya sebuah hikayat lama seperti Sejarah Melayu (Sulalatus Salatin) dalam mendokumentasi sejarah keagungan Melayu agar dapat diketahui oleh generasi-generasi mendatang.

Selain hikayat Sejarah Melayu (Sulalatus Salatin) karya Tun Seri Lanang (ditulis 1356 M, disunting semula 1612 M), antara contoh lain karya agung warisan Melayu yang kita warisi semenjak dari zaman silam adalah seperti Hikayat Hang Tuah (mula ditulis 1700 M, manuskrip lengkap 1849 M), Hikayat Merong Mahawangsa (sejarah negeri Kedah - R.O. Winstedt mengusulkan tahun asalnya 1612 M, namun tidak dapat disahihkan), Hikayat Iskandar Zulkarnain (naskhah tertua yang masih wujud bertarikh 1713 M), Hikayat Pahang (naskhah A, 1932 & naskhah B, 1883) dan juga Tuhfat al-Nafis karangan Raja Ali Haji (1885).

3.1.3 Istana di Tanah Melayu sebagai Pusat Kesusasteraan Antarabangsa Awal

Kedatangan syiar Islam ke Alam Melayu juga memperhebatkan lagi kemajuan serta kegemilangan tamadun Melayu. Kitab-kitab panduan agama Islam yang dibawa bersama oleh para ulama dan Syeikh dari Timur Tengah juga diterima pakai dan diterjemahkan dari bahasa asalnya iaitu bahasa Arab ke dalam bahasa tempatan menggunakan tulisan Jawi. Usaha-usaha murni seperti ini dititahkan oleh Sultan sendiri dan dilakukan oleh para jurutulis dan golongan ilmuwan di dalam ruang lingkup istana. Berikut merupakan suatu kisah yang dipetik dari hikayat Sejarah Melayu (Sulalatus Salatin) yang menyokong dakwaan ini:

"Maulana Abu Ishak seorang ulama Mekah telah menyuruh anak muridnya Maulana Abu Bakar membawa Kitab Duri'l Mazlum ke Melaka. Sultan Mansur Syah menyambut baik kedatangan Maulana Abu Bakar, malah Kitab Duri'l Mazlum diarak secara besar-besaran ke istana. Kemudian baginda sendiri telah berguru pada Maulana Abu Bakar. Kitab ini juga telah dibawa ke Pasai

untuk diterjemahkan oleh Makhdum Patakan. Semua pembesar Melaka berguru pada Maulana Abu Bakar kecuali Kadi Yusoff.” (halaman: 98)

3.2 Kedatangan Islam Mengukuhkan Pentadbiran Sistem Beraja dan Perundangan di Tanah Melayu

Kedatangan islam di Tanah Melayu telah memberikan dampak yang besar kepada struktur pentadbiran, perundangan dan juga sistem beraja di Tanah Melayu. Dalam dilihat, setelah Islam semakin kukuh bertapak di Alam Melayu, pengembangan tamadun Melayu yang berpaksikan syiar Islam diteruskan lagi dengan penggubalan hukum dan undang-undang yang ditulis oleh pihak pemerintah istana seperti manuskrip Hukum Kanun Melaka (disusun 1489 M) dan juga Hukum Kanun Pahang (semasa pemerintahan Sultan Abdul Ghafur Mahayuddin Syah, 1592-1614 M). Fakta ini menguatkan lagi bukti bahawa kedatangan Islam mempelopori kebangkitan tamadun di Alam Melayu dan menjadikan bangsa Melayu itu lebih gemilang serta meningkat tahap ilmu intelektualnya sehingga membentuk negara Malaysia pada hari ini.

Malah, Sistem beraja di tanah melayu juga berkekalan sehingga ke hari ini bukanlah disebabkan oleh kesaktian atau mitos seseorang raja, namun kerana hakikat kemuliaan yang ada pada baginda. Setelah kedatangan islam, perkataan ‘Raja’ telah digantikan dengan perkataan “Sultan” yang dianggap sebagai bayangan Allah di muka bumi ini (*Zillullah fil alam*). Namun begitu, kemuliaan ini bukanlah semata-mata kerana kedudukan sebagai sultan supaya ditaati, tetapi kerana kewarakan dan kearifan baginda dalam urusan keagamaan sama ada berkaitan hukum syariat mahupun dalam dunia kesufian sebagaimana yang telah dizahirkan oleh Sultan Malikuz Zaher

II, cucu kepada Merah Silu yang telah diIslamkan dan kemudiannya telah dibaiahkan oleh Syarif Mekah menjadi Sultan Malikus Saleh.

Ibnu Batutah dalam satu catatan beliau turut membuktikan kewarakan dan kearifan agama oleh golongan pemerintah di alam Melayu. Menurut catatan oleh beliau golongan ulama pernah menjadi Sultan di Nusantara. Ketika beliau mengunjungi Samudera Pasai, kerajaan ini diperintah oleh Sultan Malik Az Zahir Thani, yang merupakan seorang Sultan yang Faqih dalam mazhab Syafie. Baginda selalu mengadakan majlis Muzakarah tentang ilmu-ilmu Islam. Ketika Sultan bertemu dengannya, ia ditempatkan di sebelah kiri Baginda dan Baginda menyoalnya tentang Sultan Muhammad al-Fateh dan kisah pengembaraannya. Samudera Pasai menjadi pusat Dakwah dan pengajian Islam yang paling utama di Alam Melayu (Hasanuddin dan Tun Suzana, 2019)

Malah pada abad ke-15, seorang ulama dari Taif, Mekah telah ditabal menjadi Sultan Brunei, iaitu Sultan Syarif Ali. Semasa pemerintahannya, Baginda telah memperkuatkan syaria'at Islam di Brunei dan membuang segala ajaran yang bercanggah dengan Islam. Baginda jugalah yang telah menunjukkan dan menetapkan arah kiblat di Brunei. Itulah sebab kenapa Islam bertapak kukuh di Brunei (Hasanuddin dan Tun Suzana, 2019)

Malah, Tom Pires dalam bukunya *Suma Oriental* (Pires, 1967) turut mencatatkan perwatakan Sultan Melaka terhadap agama Islam, Mereka menyatakan bahawa Sultan ini, yakni (Sultan Alauddin Riayat Shah) lebih menumpukan hal-ehwal masjid yakni agama berbanding dengan masalah-masalah yang lain. Sultan Alauddin sentiasa bersama dengan Raja Pahang, Kampar dan Indragiri, serta kaum kerabat

mereka di istana baginda di Melaka. Baginda mengajar mereka dalam perkara yang berkaitan Muhammad yakni agama Islam

Manakala, dari aspek perundangan pula, setelah kedatangan islam undang-undang islam telah menjadi “Common Law Melayu-Islam” di negeri-negeri Melayu, lama sebelum kedatangan British (Rahimin Affandi Abdul Rahim,2012). Contohnya, teks Perlembagaan Undang-Undang Tubuh Negeri Terengganu yang terdapat dalam Muzium Negeri Terengganu (Rahimin, 2012). Malah, Ahmad Ibrahim (1992) memperjuangkan agar Malaysia menolak penggunaan *English Common Law*, beliau telah meminta beberapa orang sarjana Malaysia mengemukakan realiti wujudnya ‘*Common Law Melayu-Islam*’ di Malaysia yang berasaskan kepada pelbagai *legal digest* silam ini. Ini memberikan gambaran bahawasanya lama sebelum kedatangan kuasa British masyarakat Melayu sudah pun mengamalkan sistem perundangan yang tersendiri berteraskan ajaran Islam sejati. Sebahagian besar daripada sistem perundangan Islam ini telah menjadi pengetahuan atau uruf Melayu yang terus kekal sehingga kini (Mohd Nazri Chik, 2006).

3.3 Islam dan Ilmu Sains

Seterusnya, agama Islam juga tidak menolak perkembangan bidang sains sebagai landasan utama ilmu, malah menyokong bahawa bidang sains perlu bergerak seiring dengan bidang pengkajian ilmu Islam dan Al-Quran. Hal ini jelas menolak sepenuhnya dakwaan bahawa agama islam telah menghapuskan semua ilmu sains dan sastera melayu yang pernah wujud sebelum proses islamisasi. Menurut Marmaduke Picktall (1977) Al-Quran merupakan pemangkin kepada pencarian ilmu di kalangan umat Islam, terutamanya dalam bidang sains alam. Pada akhirnya, penemuan-penemuan

di dalam bidang sains ini membawa manusia semakin mengenali asal usul alam di samping asal-usul mereka sendiri.

Malah, Pemimpin Barat turut mengakui bahawa kemunculan zaman Renaissance di Eropah adalah sumbangan dari perkembangan tamadun Islam. Menurut Weaver melalui Sicily dan Andalus (jiran Semenanjung Itali), tamadun Islam memperkasakan Eropah dalam bidang sains dan ilmu pengetahuan serta menyelamatkan mereka dari mentaliti kolot Era Kegelapan (*Medieval*) dan sains dikekang oleh gereja. George Sarton menambah bahawa ilmu pengetahuan Islam telah tiba di Eropah sejak awal kurun ke-12 M, jauh lebih dahulu daripada kemunculan *Renaissance* di utara Itali (Hasan, 1987)

Keseluruhan analisis secara kritikal terhadap dakwaan yang dibuat oleh pihak British adalah terhadap bangsa Melayu adalah tidak tepat dan bersikap *double-standard* terutamanya dalam menerangkan tentang realiti *oriental despotic* dan ajaran Islam. Tambahan pula, sejarah dunia mencatatkan bahawa kezaliman raja tidak terhad kepada bangsa timur yang beragama Islam semata-mata, bahkan ia berlaku lebih buruk lagi di Eropah. Islam dijadikan lawan kepada tamadun Hindu-Buddha dan Kristian. Segala bentuk kejahatan dikaitkan dengan Islam, manakala semua bentuk kebaikan dikaitkan dengan barat dan Hindu-Buddha (Raffles, 1819).

4.0 Muzium Baru: Usaha Menolak Neratif Nagatif Barat Terhadap Bangsa Melayu

4.1 Penilaian Semula Bentuk Sumber Sejarah di Tanah Melayu

Berdasarkan falsafah *logico positiveism* menegaskan, wujud atau tidak sesuatu tamadun di sesuatu kawasan perlu dibuktikan dengan kewujudan artifak atau

manuskrip sejarah yang mewakili sesuatu masyarakat terbabit. Andainya tidak ditemui sesuatu bukti material ataupun bahan yang ditemui itu terlalu ringkas, mereka akan mengambil sikap simplistik dengan mengatakan perkembangan ilmu dan tamadun Islam sebagai tidak ada. Jadi apabila terdapat dakwaan bahawa tiadanya artifak atau manuskrip tentang Islam dalam masyarakat Pahang misalnya, maka Pahang sebelum kedatangan British, dianggap tidak mempunyai sejarah. Malah, ia berada dalam keadaan huru-hara tanpa sistem kerajaan khusus (Hanapi Dolah, 1983). British juga tidak menerima sumber sejarah tempatan yang menggambarkan tentang masyarakat Pahang. Semuanya dikatakan penuh mitos yang tidak boleh dipercayai (Hussain Othman, 2008).

Pada dasarnya, sumber sejarah juga terdiri daripada pelbagai bentuk dan ia bukan setakat artifak material seperti yang didakwa oleh sejarawan British. Muhammad Arkoun (1995) menegaskan bahawa selain daripada bukti material, realiti budaya masyarakat Islam sebagai *living evidence* juga patut diambil kira apabila mengkaji tentang sesuatu tamadun dan pengamalan konsep Islam. Maknanya, walaupun tidak ditemui bukti artifak (*tangible*), tetapi fakta sejarah boleh diketahui daripada *living tradition* (tradisi zaman-berzaman yang hidup dan boleh dikesan hasilnya hingga pada masa sekarang). Contohnya tradisi pengamalan Islam yang kuat dipegang oleh masyarakat Pahang. Terdapat sumber sejarah tempatan tentang sejarah Pahang yang tidak ditemui oleh sarjana British. Contohnya tentang sejarah kedatangan golongan Syed yang menyebarkan Islam di Pahang. Negeri Pahang telah dijadikan tumpuan penghijrahan *Ahl Bayt* (keturunan keluarga nabi) daripada Timur Tengah dan ini menjadi penyebab utama golongan keturunan Syed menjadi ramai

yang boleh dikesan di beberapa penempatan di Pahang. Golongan ini agak penting kerana mereka dianggap sebagai pendakwah pakar yang bertanggungjawab menyebarkan Islam ke seluruh rantau Alam Melayu (Mahayuddin Haji Yahya dan Ahmad Jelani Halimi, 1993). Hal ini dibuktikan dengan perkampungan orang Arab yang dinamakan *Arab Street* di Pekan.

4.2 Pengisian Muzium dalam usaha mendidik semula arah pemikiran masyarakat

Muzium sebagai wahana Pendidikan masyarakat juga perlu menilai semula pengisian-pengisian yang dipaparkan dan dipersembahkan kepada masyarakat dalam usaha memupuk semula nilai sejarah asli bangsa. Antara tema yang dapat menjadi pengisian yang baik di muzium adalah seperti sejarah lokasi, penentangan melawan pihak penjajah, koleksi flora dan fauna, sejarah perang, muzik, pendidikan dan kebudayaan tempatan dan Islam, ras etnik dan kaum, permainan rakyat dan sebagainya (Abu Talib Ahmad, 2015). Pemakaian kaedah penilaian kritis terhadap isi kandungan galeri muzium juga merupakan aspek yang sangat penting. Dalam konteks Malaysia, Abdullah Zakaria (2017) telah menerangkan tentang sifat pemikiran kritis yang diamalkan oleh para penyelidik era pasca merdeka. Menurutnya, walaupun artifak yang dipamerkan di muzium tidak boleh berkata-kata tetapi ia mampu menjana pemikiran kritis aras tinggi. Ia bersifat ingin tahu (*curiosity*) dan mencabar fakta sejarah yang ditonjolkan. Contoh penting yang dapat diambil adalah pada artifak Batu Bersurat Terengganu. Walaupun catatan inskripsinya serba ringkas, namun masih dapat menjana suatu kajian terperinci terhadapnya, sama ada dalam bentuk menghurai, menerangkan sebab musabab, mengaitkannya dengan fakta atau sumber

sejarah lain dan mencabar teori yang diterangkan oleh sejarawan sebelumnya (Abdullah Zakaria bin Ghazali, 2017).

4.3 Pencerahan Peristiwa-peristiwa bersejarah negara

Seterusnya, dalam usaha menolak neratif negatif barat terhadap bangsa melayu juga, pencerahan peristiwa-peristiwa bersejarah yang berlaku dalam negara turut perlu dipandang serius oleh kurator-kurator muzium dalam membina jalan cerita dan pengisian di muzium sebelum dipersembahkan kepada masyarakat. Hal ini ditegaskan oleh Abdullah Zakaria (2017).

Sebagai contohnya, menurut Abdullah Zakaria (2017), bagi melengkapkan galeri muzium sejarah, beliau telah menerangkan sebab musabab sesuatu peristiwa sejarah berlaku. Ia telah memberikan perincian peristiwa pembunuhan J.W.W. Birch seperti dipaparkan dalam galeri sejarah di Kompleks Sejarah Pasir Salak. Menurut beliau sesudah pihak British memperkenalkan sistem Residen di Perak, ia telah mencetuskan kemarahan orang Melayu Pasir Salak sehingga membawa kepada tragedi pembunuhan J.W.W Birch. Beliau telah menghuraikan secara terperinci tentang urutan peristiwa pembunuhan J.W.W Birch yang ditetak oleh Seputum ketika Residen British tersebut sedang mandi di rumah rakit sehinggalah kepada penemuan mayatnya yang tenggelam dan dihanyutkan oleh arus sungai tiga hari kemudiannya. Ini disusuli pula dengan operasi pemburuan, penangkapan dan perbicaraan mereka yang dipercayai terlibat dan bersubahat dalam insiden berdarah ini.

Tambahan lagi, menurut Abdullah Zakaria bin Ghazali (2017) Pencerahan mengenai peristiwa-peristiwa bersejarah yang dipaparkan di muzium juga perlu jelas mengenai keterlibatan individu-individu yang terlibat dalam sesebuah peristiwa

bersejarah itu. Sebagai contoh, peristiwa pembantahan gagasan penubuhan Malayan Union. Beliau menilai sama ada hanya Dato' Onn seorang sahaja yang bertanggungjawab memimpin bantahan terhadap Malayan Union ini. Bagi menjawab persoalan ini, beliau telah memberikan paparan kronologi sejarah yang panjang menerangkan bahawa bukan Dato' Onn seorang sahaja yang terlibat membantah Malayan Union. Sebaliknya terdapat juga tokoh-tokoh tempatan lain seperti raja dan para ulama Melayu yang lebih aktif dalam menyumbangkan jasa ke arah bantahan ini (Abdullah Zakaria bin Ghazali, 2017).

5.0 Kesimpulan

Secara dasarnya pembinaan konsep muzium baru di negara kita adalah sangat penting kepada usaha menghakis kesan terbesar kolonialisme terhadap penjajahan dari aspek pemikiran dan minda bangsa melayu pada hari ini, yang dilihat tidak berkeyakinan dan berpandangan negatif terhadap kemampuan bangsa sendiri berbanding bangsa luar terutama bangsa Eropah. Oleh hal tersebut, dua teori besar yang dikemukakan oleh sarjana barat terhadap bangsa melayu, iaitu teori bangsa melayu tidak bertamadun dan teori *Oriental Despotisme* dan Kegagalan Islam di Alam Melayu perlu dibahaskan dengan kritikal. Malah kedua-dua teori yang dikemukakan juga adalah tidak relevan dan mampu ditolak berdasarkan kepada analisis sejarah bangsa melayu sebelum kedatangan pihak penjajah lagi. Hal ini dapat dibuktikan menerusi peranan institusi istana sebagai kayu ukur ketamadunan bangsa melayu awal, pengaruh agama islam yang mengukuhkan lagi pentadibiran sistem beraja dan perundangan di Tanah Melayu dan ilmu sains dalam konteks pandangan islam.

Tambahan lagi, dalam usaha pembinaan muzium baru yang menolak neratif negatif barat terhadap bangsa melayu, pengisian muzium di negara kita perlu mengambil berat tiga aspek utama, iaitu pertama, membuat penilaian semula bentuk sumber sejarah. Kedua, membangunkan pengisian muzium yang mampu mendidik semula arah pemikiran masyarakat dan ketiga pencerahan peristiwa-peristiwa bersejarah negara.

Rujukan

- Ab. Samad Kechot (2012), Pendidikan Warisan di Muzium: Kajian Berkaitan Penggunaan LLaras bahasanya, *Geografia Online: Malaysia Journal of Society and Space*, 8 issue 8, h. 35-46.
- Abdullah Zakaria bin Ghazali. (2017), Mencabar Sejarah Malaysia, Kata Yang Tidak Bercakap Dalam Muzium, *Malaysia Museums Journal*, Volume 34, New Series, h. 1-24.
- Abu Talib Ahmad. (2015), *Museums, History and Cultire in Malaysia*, NUS Press, Singapura, h. 1-6.
- Ahmad Ibrahim (1992). *Towards a history of law in Malaysia and Singapore*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Ministry of Education Malaysia.
- Ahmad Ibrahim (2019). *Towards an Islamic Law for Muslims in Malaysia*. *Journal of Malaysian and Comparative Law*, 12, 37-52.

Ahmad Farid Abd Jalal, Awang Azman Awang Pawi & Rahimin Affandi Abdul Rahim,
"Konsep Muzium Baru: Analisis Kritikal Pemikiran Kolonial Terhadap Bangsa
Melayu" JMS Vol. 3 Issue 1 (2020):122 - 147

Ahmad Shalaby (1966). *Masyarakat Islam, Prof. Mukhtar Yahya* (terj.), Singapore.

Arkoun. M (1995). *Islamic Thought: Scientific Reading*, National Development Center,
Beirut.

Bazin, G. (1967) *The Museum Age*. The Universe Book.

Hutagalung. D. (2004). Hegemoni, Kekuasaan dan Ideologi. *Diponegoro 74: Jurnal
Pemikiran Sosial, Politik dan Hal Asasi Manusia*, no. 12, h. 1-16.

Said E. (1981), *Covering Islam, How the media and the experts determine hows we
see the rest of the world*, London.

Eredia. E. G. D. (1930), " The description of Malaca ", dalam *JMBRAS*, v. 8.

Hanapi Dolah. (1983). Struktur dan Hubungan Masyarakat Melayu Tradisional
Berdasarkan Sejarah Melayu: Satu Perbincangan Teoritis, *SARI*, 1(2).

Hasan, M. (1987). *A history of Islam vol.1. Lahore*. Islamic Publisher.

Hasanuddin Yusof dan Tun Suzana Tun Othman (2019). *Miftahul Melayu: Sejarah
Islam Alam Melayu Cetakan ke-3*. Penerbit Alami.

Hawksley. C. M. (2001). *Administrative Colonialism: District Administration and Colonial Middle Management in Kelantan 1909-1919 and the Eastern Highland of Papua New Guinea 1947-1957*. Tesis Kedoktoran untuk University of Wollongong, h. 4-16.

J.C. Leur (1955), *Indonesian trade and society*, The Hague, h. 169; K.P. Landon (1949), *Southeast Asia: Crossroad of religions*, Chicago.

Lopez. C. (2001). *The British Presence in the Malay World: A Meeting of Civilizational Traditions*. *Sari* 19. h. 13-33.

Mahayuddin Haji Yahya, Ahmad Jelani Halimi. (1993). *Sejarah Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti, h. 622.

Mohd Nazri Chik. (2006), *Perlembagaan Itqan Muluk Bi Ta'dil Al-Suluk 1911 ditinjau Dari Aspek Latar Belakang Dan Pengaruhnya Kepada Pelaksanaan Undang-Undang Islam Di Terengganu*, tesis sarjana untuk APIUM, h. 62-72.

Lilo, M. (1995). *New Republic*. Routledge. New York.

Othman Yatim (2005). *Pembudayaan muzium, pelestarian warisan dan pembinaan negara bangsa*. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.

Hussain Othman (2011). *Konsep pensejarahan Melayu: perspektif kosmologi*. Penerbit UTHM.

Hien. H (2012). *The Museum in Transition – A Philosophical Perspective*. Smithsonian Institution Press: Washington and London.

Pickthall, M.M (1977). *The Meaning of the Glorious Qur'an*. New York: Muslim World League.

Pires, Tomé. (1967). *The Suma oriental of Tomé Pires*. Vol. I/II. [Nendeln, Liechtenstein]: Kraus Reprint.

Simon. R. (1999). *Gagasan-Gagasan Politik Gramsci*. Yogyakarta: Penerbit INSIST.

Raffles, T.S. (1816). *A Discourse Delivered on the 11th September, 1815*. A.H. Hubbard: Leiden University Library.

Raffles, T.S. (1815). *Raffles to William Marsden, Ciceroa, 1st January 1815 in Raffles, Memoir*, h. 235.

Raffles. S. (1819). *Substance of a Memoir on the Administration of the Eastern Islands* (N.P: N.Pub., h. 28.

Raffles, Thomas Stamford (1819). *Substance of A Minute Recorded by The Honourable*.

Thomas Stamford Raffles *On The 11th February 1814, On The Introduction of an Improved System of Internal Management and The Establishment of a Land*

*Rental On the Island of Java: To Which Are Added Several of the Most
Interesting Documents Therein Referred to* (London: Black, Parry & Co., 1814).

Rahimin Affandi Abdul Rahim (2011). Metodologi Disiplin Occidentalisme Alternatif:
Tumpuan Khusus Terhadap Pandangan Orientalis Terhadap Hukum Islam.
Jurnal Syariah, no.2.

Barnett. S. J. (2003). *The Enlightenment and Religion: The Myths of Modernity*.
Manchester University Press.

Swettenham. F (1895). *Malay Sketch*. Singapore, h. 2-3.

Turner. B. S. (1964). "Gustave E. Von Grunebaum and the Mimesis of Islam", Dalam
(ed.) Asaf Hussain, *Orientalism, Islam And Islamist*, Vermont: Amana Books
Inc., h. 34, 193-202.

Raffles. T. S. (1930). *Memoir of the Life and Public Services of Sir Stamford Raffles*.
London. vol.1, h. 91, dan 288-289.

Richmond. W. L. (1928). *The Modern Malay*. London. h. 95 dan 223.

Wang, Gungwu (1981). *Community and Nation: Essays on Southeast Asia and the
Chinese*. Singapore: Heinemann.

Wright A. & Reid. T. H. (1912). *The Malay Peninsula*. London. h. 315.

Ahmad Farid Abd Jalal, Awang Azman Awang Pawi & Rahimin Affandi Abdul Rahim,
"Konsep Muzium Baru: Analisis Kritikal Pemikiran Kolonial Terhadap Bangsa
Melayu" JMS Vol. 3 Issue 1 (2020):122 - 147

Zainal Kling (1994). *Antropologi Tafsiran: Sumbangan Kebudayaan Melayu Kepada
Teori, Syarahan perdana untuk pengukuhan professor*. Kuala Lumpur.

Zakaria Stapa (1994). *Masyarakat Islam dan isu semasa*. Kuala Lumpur.